

SUARA SARAWAK *Rabu*

# INSPIRASI!

26 MAC 2025 • 25 Ramadan 1446H

Imbas KOD QR untuk aplikasi iOS dan android



**G-Akhir**  
**PERCUMA**  
untuk semua!  
SUARA SARAWAK  
SARAWAK TRIBUNE



...bengkel ini memberi peluang kepada peserta untuk mengasah kemahiran mendengar dan menyuarakan pendapat bagi memastikan komunikasi kumpulan lebih efektif.

## SBEU perkasa kemahiran komunikasi ahli

SITI HASLINA HUSSIN  
[inspirasisuarasarawak@gmail.com](mailto:inspirasisuarasarawak@gmail.com)

» **SERAMAI** 40 ahli Kesatuan Pekerja Bank Sarawak (SBEU) menghadiri Bengkel Komunikasi Pasukan Berkesan di Union Yes Retreat and Training Center, Lundu, baru-baru ini.

Bengkel ini menghimpunkan peserta terdiri daripada ahli exco, pegawai cawangan, ahli jawatankuasa, serta perwakilan SBEU dari seluruh Sarawak.

Bengkel sehari ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan ahli

kesatuan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan.

Peserta didedahkan pelbagai teknik komunikasi berkesan bagi membantu mereka menjalankan tugas sebagai wakil kesatuan di organisasi masing-masing.

Menurut penyelarasan bengkel, Supardi Hamsawi, yang juga timbalan presiden SBEU, bengkel ini memberi peluang kepada peserta untuk mengasah kemahiran mendengar dan menyuarakan pendapat bagi memastikan komunikasi kumpulan lebih efektif.

"Kami berharap bengkel ini dapat memberikan pengetahuan tambahan dan motivasi kepada peserta, khususnya dalam memimpin cawangan masing-

masing ketika berurusan dengan majikan dan pelanggan bagi menyelesaikan isu kesatuan," ujar Supardi.

Beliau turut menegaskan, ilmu serta kemahiran yang diperoleh daripada bengkel ini dapat dimanfaatkan bukan sahaja oleh peserta, malah boleh dikongsi dengan ahli SBEU yang lain bagi memperkukuh peranan kesatuan.

Bengkel ini dikendalikan penceramah berpengalaman yang juga Pensyarah Kanan Program Komunikasi Strategik di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Siti Haslina Hussin.

Beliau menerangkan konsep komunikasi berkesan dalam hubungan interpersonal dan organisasi, serta menggariskan kepentingan komunikasi yang jelas dalam sesebuah pasukan.

**KERJASAMA** dalam kumpulan memerlukan ketekunan.



Hlm. 2

**BERGAMBAR** kenangan selepas tamat bengkel.

### Sungkei Apa Hari Tok?

**SOSEJ GUNTING**

SOSEJ gunting merupakan pilihan yang tepat bagi seseorang yang hendak mencuba membuatnya. Sosej gunting ini hanya memerlukan barang asas dapur dan tidak mengambil masa yang lama untuk menyiapkan juadah sampingan yang penuh dengan kerangupan serta perasa ini. Bagi seseorang yang menyukai pedas, sosej gunting menjadi lebih menyelerakan jika ditambah serbuk cili di dalam adunan sebelum menggoreng. Gorengan yang sempurna perang keemasan serta kemerahan daripada serbuk cili pasti menjadi juadah sampingan yang tepat dalam Ramadan ini.

Foto Instagram: @imanrashidd

# Bengkel komunikasi berkesan

## • Dari hlm 1

Sepanjang bengkel, peserta mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti berkumpulan yang memberi peluang untuk mengaplikasikan teknik komunikasi secara efektif di peringkat individu dan kumpulan.

"Melalui bengkel ini, peserta berpeluang memahami prinsip komunikasi kumpulan yang berkesan.

"Mereka juga mempelajari teknik komunikasi verbal, kemahiran mendengar secara aktif, serta kepentingan komunikasi asertif dalam berinteraksi dengan pelanggan dan majikan," jelas Siti Haslina.

Salah seorang peserta, Khairol Arifin, 38, yang juga bendahari SBEU Cawangan Utara menyifatkan bengkel ini sebagai pengalaman amat bermakna.



"Ilmu dan aktiviti yang dikongsi dalam bengkel ini sangat bermanfaat dan boleh diaplikasikan bukan sahaja dalam pekerjaan tetapi juga dalam kehidupan seharian.

"Pendekatan interaktif serta kemahiran berfikir secara berkumpulan menjadikan aktiviti lebih berkesan," katanya.

Sebagai kesatuan pekerja yang wujud sejak 22 September 1966, SBEU terus memainkan peranan penting memelihara hak dan kebajikan pekerja bukan eksekutif di sektor perbankan komersial di Sarawak.

Dengan keahlian melebihi 1,200

orang, SBEU berfungsi sebagai platform utama menyuarakan isu berkaitan pekerjaan, gaji, faedah, serta persekitaran kerja bagi anggotanya.

Bengkel ini salah satu inisiatif kesatuan memperkasakan keupayaan ahli serta memastikan mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

SBEU komited untuk terus menganjurkan program latihan dan pembangunan profesional bagi memastikan ahlinya sentiasa bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

"Melalui bengkel ini, peserta berpeluang memahami prinsip komunikasi kumpulan yang berkesan. Mereka juga mempelajari teknik komunikasi verbal, kemahiran mendengar secara aktif, serta kepentingan komunikasi asertif dalam berinteraksi dengan pelanggan dan majikan."



## SEJARAH DUNIA

Oleh Jasmine Aidil Fitri

## Ludwig van Beethoven meninggal dunia

gastrointestinal, kerana pada ketika itu, beliau mengalami cirit-birit kronik dan sakit perut yang teruk selama bertahun-tahun sebelum kematiannya.

Analisis moden juga percaya bahawa beliau menghadapi keracunan plumbum kerana tahap plumbum dalam tubuhnya yang tinggi, mungkin akibat ubat atau air yang tercemar.

Sebelum Beethoven meninggal dunia, beliau mengalami masalah kesihatan selama bertahun-tahun, termasuk pekak sepenuhnya sejak berusia 30-an.

Namun, pada akhir 1826, beliau

mengalami demam panas dan kesakitan abdomen teruk yang menyebabkan beliau terlantar di katil selama beberapa bulan.

Pada hari-hari terakhirnya pula, beberapa sahabatnya, termasuk komposer Franz Schubert datang melawatnya.

Pada 26 Mac 1827, ribut petir melanda Vienna, dan seorang saksi mendakwa Beethoven mengangkat tangannya sebelum menghembuskan nafas terakhirnya, seolah-olah ingin menentang kuasa alam buat kali terakhir.

## PERISTIWA PENTING 26 MAC

1. 1812 - Gempa bumi Caracas.
2. 1827 - Kematian Ludwig van Beethoven
3. 1830 - Kitab Mormon diterbitkan
4. 1885 - Pembakaran mayat pertama di United Kingdom (UK)
5. 1917 - Perang Dunia Pertama: Pertempuran Pertama Gaza
6. 1945 - Perang Dunia Kedua: Pertempuran Iwo Jima Berakhir
7. 1953 - Dr. Jonas Salk mengumumkan vaksin polio
8. 1958 - Pelancaran Satelit Explorer 3 oleh Amerika Syarikat
9. 1971 - Pakistan Timur mengisytiharkan kemerdekaan
10. 1975 - Penguatkuasaan Konvensyen Senjata Biologi
11. 1979 - Perjanjian Damai Mesir-Israel ditandatangani
12. 1995 - Perjanjian Schengen berkuat kuasa
13. 1997 - Insiden bunuh diri berkumpulan Heaven's Gate
14. 2000 - Presiden Vladimir Putin dipilih di Rusia
15. 2010 - Tenggelamnya kapal Tentera Laut Korea Selatan Cheonan



Foto | AFP